

# MM Cip boleh dimanfaatkan untuk pelbagai aplikasi

Oleh Hizral Tazzif Hisham

MIKROCIP Malaysia atau lebih dikenali sebagai MM Cip boleh dimanfaatkan untuk pelbagai aplikasi berdasarkan saiznya yang kecil tetapi memiliki prestasi tinggi, termasuk digunakan pada pasport dan kad pengenalan pintar, pembayaran elektronik, pengangkutan serta kertas borang.

Ketua Eksekutif FEC (M) Sdn Bhd (FEC Malaysia), Kunioki Ichio, berkata kelebihan MM Cip berbanding cip lain yang ada di pasaran ialah ia mempunyai pelbagai jalur (multiband), iaitu daripada frekuensi 13.56 MHZ hingga kepada 2.45 GHz serta antena yang terbina dalam cip.

"Ini menyebabkan MM cip sesuai untuk digunakan sama ada di Malaysia, Jepun atau di Amerika Syarikat walaupun ketiga-tiga negara tidak menggunakan frekuensi sama. Dan ini cip pertama di dunia yang memiliki kemampuan berkenaan," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar MM Cip bagi menyatakan perkembangan cip berkenaan yang dihidiri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Pengarah Urusan FEC Malaysia, Major Jen (B), Datuk Gopal Ramdas.

MM Cip dijangka dapat dihasilkan di kilang Silterra Malaysia Sdn Bhd, syarikat pengeluar separa konduktor milik kerajaan yang berpangkalan di Taman Teknologi Tinggi Kulim, sebelum akhir tahun ini. Bagaimanapun, untuk permulaan, cip itu akan dikeluarkan di Jepun pada kos 10 yen (kira-kira 38



DR MAHATHIR menunjukkan kertas yang dimasukan MM Cip sambil diperhatikan Ichika dan Rais pada sidang akhbar, baru-baru ini. - Gambar oleh Nik Hartff Hassan

sen) setiap cip dan ia akan duku-rangkan lagi pada masa depan.

Langkah Malaysia menyertai penghasilan cip adalah wajar berdasarkan perkembangan pesat teknologi pengenalan identiti menerusi radio (RFID) yang kini sedang diuji pelaksanaannya oleh gedung runcit terbesar dunia, Wal-Mart dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon)

Kerajaan Malaysia mengambil alih hak harta intelek MM Cip daripada pemaju semikonduktor Jepun FEC Inc dengan jumlah yang tidak diberitahu pada September tahun lalu. FEC Malaysia adalah usaha sama antara kerajaan Malaysia dan FEC Inc untuk melaksa-

nakan pembangunan perniagaan itu untuk MM Cip.

Beliau berkata, pada masa ini, FEC sedang melakukan ujian penilaian untuk MM Cip dan sampel kejuruteraan dijadual siap pada bulan April.

"Ia akan mengambil sedikit masa untuk disiapkan, iaitu model sampel kejuruteraan dan juga sampel teknikal. Pengeluaran itu akan dibuat di Jepun terlebih dulu memandangkan di Malaysia belum lagi siap dan menjangkakan permintaan untuk MM Cip akan melebihi bekalan," katanya.

Ichio berkata, Iris Corporation Bhd bercadang menggunakan MM Cip itu untuk menggantikan cip

pasport pintar yang digunakan ketika ini manakala beberapa agensi kerajaan juga menyatakan minat mereka mahu menerokai aplikasi yang boleh dihasilkan.

Beliau berkata, beberapa negara seperti China, Taiwan, Kanada, AS dan Australia turut melahirkan minat untuk mendapatkan cip berkenaan.

"China berminat untuk menyertai projek nasional Malaysia sementara Kanada dan Australia berminat untuk menggunakannya bagi kad pengenalan (ID) mereka dan Mexico pula berminat menggunakannya bagi kad pilihan raya.

Di Jepun, beliau berkata, Toppan

Forms Co Ltd memperkenalkan cip itu di ruang pamerannya pada ekspo IC Card World 200 di Tokyo, Jepun, baru-baru ini.

"Kami juga menimbangkan cadangan untuk membentuk bubungan kerja dengan Auto-ID Labs, Jepun, sebuah pertubuhan yang menunjukkan minat terhadap cip berkenaan. Auto-ID Labs adalah pertubuhan antarabangsa yang menggunakan standard global untuk pengenalan RFID.

Sementara itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata prototaip cip dibuktikan sebagai boleh berjaya dan ia adalah perkembangan baik untuk Malaysia, serta terpulang kepada Malaysia untuk menghasilkan aplikasi difikirkan sesuai.

Dr Mahathir berkata, MM Cip adalah untuk kegunaan seluruh dunia bagi rangkaian aplikasi dan Malaysia akan mengeluarkan, membekal dan memberi lesen untuk penggunaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, merangkap Pengerusi Jawatankuasa MM berkata, kepentingan penggunaan cip seperti dalam pengenalan dan tag sudah ditunjukkan kepada pelbagai Kementerian dan maklum balas diterima amat menggalakkan.

Jawatankuasa MM adalah badan bebas yang dibentuk bagi melulus dan memantau penggunaan MM Cip di dalam dan luar negara secara menyeluruh.

Selain daripada Dr Rais, ahli lain ialah Tan Sri Dr Zaharudin Idrus (Penasihat Sains kepada Perdana Menteri), Datuk Dr Mohamed Arif Nun (Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd), Abdul Rahim Mokti mewakili Kementerian Kewangan dan Ichio.